

## **BELANJAWAN MELAKA 2021 DIJANGKA DIBENTANG 11 DISEMBER**

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka yang ditangguhkan sebelum ini ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dijadual berlangsung dari 9 hingga 11 Disember depan.

Timbalan Speaker DUN Melaka Datuk Ghazale Muhamad berkata notis pemakluman persidangan DUN berkenaan telah dimaklumkan kepada semua 28 Ahli DUN pada minggu lepas.

"Persidangan DUN Melaka akan berlangsung selama tiga hari dan pembentangan belanjawan negeri 2021 dijangka pada 11 Disember depan.

"Waktu persidangan akan berlangsung seperti biasa dari pagi hingga petang dan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 yang ditetapkan akan diikuti sepanjang persidangan itu," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata jumlah pemerhati dan ketua jabatan akan dihadkan sekitar 50 orang sahaja sebagai langkah berjaga-jaga mengekang penularan COVID-19.

Sebelum ini, Bernama melaporkan Persidangan DUN Melaka yang sepatutnya berlangsung pada 9 hingga 11 Nov lepas terpaksa ditangguhkan ekoran pelaksanaan PKPB pada 9 hingga 21 Nov lepas.